SOALAN NO: 409

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH:

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan piawaian untuk penginapan bagi pekerja asing. Apakah caranya piawaian ini dikuatkuasakan.

PR-1342-T75101

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] kepada pekerja-pekerja di sektor perladangan dan perlombongan. Manakala bagi sektor-sektor lain, tiada standard ketetapan dalam menyediakan penginapan kepada pekerja asing.

2. Menyedari akan keperluan ini, Kerajaan pada tahun 2015 telah meluluskan Garis Panduan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing yang akan terpakai di semua sektor selain sektor perladangan dan perlombongan. Garis panduan ini juga dijadikan sebagai pra-syarat pengambilan pekerja asing dan telah dikuatkuasakan secara pentadbiran pada 1 Januari 2016.

3. Garis panduan ini akan dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dimana JTK akan membuat pemeriksaan bagi memastikan kemudahan penginapan yang disediakan oleh majikan menepati ketetapan Akta 446 dan Garis Panduan tersebut. Majikan yang gagal mematuhi standard minimum yang ditetapkan adalah tidak layak untuk menggajikan pekerja asing dan boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya di bawah undang-undang yang berkuatkuasa dan seterusnya disenaraihitam daripada menggajikan pekerja asing baharu.